

18 MAR 1999

Kelantan-Mahathir

DR MAHATHIR LAWAT KELANTAN BULAN DEPAN

KOTA BAHARU, 18 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan kerja ke Kelantan selama dua hari bermula 22 April ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata tumpuan lawatan Perdana Menteri kali ini ialah ke kawasan luar bandar seperti di Kuala Krai, Pasir Puteh dan Pasir Mas.

"Perdana Menteri akan merasmikan projek terusan Kemasin di Pasir Puteh, merasmikan bangunan baru Hospital Kota Baharu dan projek penternakan ikan Bukit Sireh di Kuala Krai," katanya ketika ditemui pemberita di sini, hari ini.

Annuar berkata, pada sebelah malam di hari pertama lawatan itu Dr Mahathir akan berucap pada perhimpunan rakyat di Sekolah Menengah Sri Penglina Raja, Pasir Mas.

Katanya Dr Mahathir juga akan mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua keselamatan seluruh Kelantan di Kem Desa Pahlawan dan mengadakan perjumpaan dengan ketua dan kakitangan kerajaan di kediaman Tengku Razaleigh Hamzah, di sini.

Perdana Menteri juga akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin tertinggi Barisan Nasional Kelantan sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada hari kedua, katanya.

Sementara itu, Annuar berkata kerajaan telah bersetuju untuk memperluaskan bantuan daripada pembinaan rumah kepada membaikpulih rumah rakyat termiskin.

Beliau berkata, kira-kira 5,000 keluarga akan mendapat faedah daripada projek membaikpulih rumah itu pada tahun ini yang akan dilaksanakan secara gotong royong.

Kementerian juga akan memastikan RM107 juta yang diperuntukkan kepada Kelantan terutamanya untuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin dan jalan kampung dibelanjakan sepenuhnya, katanya.

-- BERNAMA

MNR AKD